

BENTUK SAPAAN DALAM INTERAKSI LISAN DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH

SOLEHA BT OSMAN

PROJEK YANG DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

175751

PERPUSTAKAAN UPSI	
Nombor Perolehan	7 4173
Tarikh Perolehan	14.6.06
Punca	rb
Harga	RM 45.00
Bilangan Naskah	1
Nombor Pengkласan	

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2005

PENGAKUAN

Saya mengaku projek sarjana ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

8 April 2005



SOLEHA BT OSMAN
M20031001352



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DEDIKASI UNTUK...

BONDA YANG DIKASIHI,
Doa kalian mengiringi kejayaanku

SUAMI DAN ANAK-ANAK TERCINTA
Pengorbanan kalian
tetap bersemadi di jiwa.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah serta keizinan-Nya maka kajian yang bertajuk Bentuk Sapaan Dalam Interaksi Lisan Di kalangan Pelajar ini dapat disempurnakan, walaupun menghadapi banyak kekangan masa.

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan sejuta penghargaan kepada penyelia saya Tn. Haji Ahmad Khair b. Mohd. Nor yang telah banyak memberi bimbingan dan dorongan serta tunjuk ajar yang amat berharga dalam menyempurnakan projek sarjana ini. Segala bimbingan serta pedoman yang diberikan akan menjadi pegangan selamanya. Semoga jasa baik Tn. Haji akan mendapat ganjaran di dunia dan di akhirat.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan terutama sekali saudari Lizi Kadir, Pegawai-pegawai Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Malaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengetua dan guru-guru di SMK Tarcisian Convent terutama Pn. Normah Hj. Karimin, Pn. Hjh. Rahmah bt Abd. Haji, Miss Lau Sue Deng yang telah memberi kerjasama dan membantu saya mendapatkan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian yang saya jalankan.

Akhir sekali semoga hasil penulisan dan kajian saya ini akan dapat membantu dan memberi manfaat kepada pengkaji-pengkaji, penyelidik-penyelidik, penerbit buku dan guru-guru amnya.

Sekian, wasalam

SOLEHA BT OSMAN
M20031001352
Fakulti Bahasa
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan





ABSTRAK

Kajian ini membincangkan Bentuk Sapaan Dalam Interaksi Lisan Di kalangan Pelajar di SMK Tarcisian Convent, Ipoh, Perak.

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama. Objektif pertama ialah untuk melihat bentuk kata sapaan yang digunakan oleh pelajar. Objektif kedua, untuk menjelaskan bentuk kata sapaan yang digunakan oleh pelajar dari sudut sociolinguistik. Objektif ketiga, untuk membandingkan bentuk kata sapaan yang digunakan oleh pelajar yang terdiri daripada pelajar Melayu, Cina dan India.

Daripada kajian yang dijalankan, didapati bahawa penggunaan bentuk kata sapaan di kalangan pelajar sekolah masih bercelaru. Kecelaru ini menjadi bertambah kompleks, apabila melibatkan penutur bukan Melayu dengan latar belakang bahasa dan budaya yang agak berlainan daripada masyarakat Melayu. Implikasi daripada salah guna bentuk kata sapaan akan memasukkan pengguna tersebut sebagai golongan 'kurang sopan' atau 'tidak tahu bahasa' kerana penggunaan bentuk kata sapaan dipengaruhi oleh faktor budaya.



Justeru, guru perlu memainkan peranan untuk memperbetulkan kecelaruan ini supaya pelajar dapat membezakan antara bentuk kata sapaan yang boleh dan yang tidak boleh digunakan dalam interaksi lisan.





Abstract

The survey conducted to find out the usage of ‘terms of address’ amongst students in SMK Tarcisian Convent, Ipoh, Perak.

There are three main objectives. The first objective is to view the type of terms used by students. The second objective is to explain the research from a sociolinguistic point of view. The third, is to compare the common terms used by the Malay, Chinese and Indian students.

Based on the survey it was found that the ‘terms of address’ about the usage of the students were confused. This confusion becomes more complex when it involves a non Malay from a different language and cultural background. The implication of the wrong used of ‘terms of address’ will put the person in a position whereby she or he is considered rude mannered or language ignorant because the usage of ill ‘terms of addressed’ is influenced by colloquial language.

Therefore, teachers have to play their role in correcting usage of ‘terms of address’ amongst students so that enables them to differentiate the terms of address’ which are acceptable and not acceptable during oral interaction.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Penyataan Masalah	3
1.3	Rasional Kajian	7
1.4	Batasan Kajian	8
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Definisi Operasional	12
1.7.1	Bentuk Sapaan	12
1.7.2	Interaksi Lisan	14
1.7.3	Pelajar	15
1.7.4	Sekolah	15

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	16
2.2	Kajian Terdahulu	18
2.3	Hubungan Kata Sapaan Dalam Masyarakat	22
2.3.1	Umur	22
2.3.2	Status	27
2.3.2.1	Gelaran Sosial	27

	2.3.2.2 Gelaran Kurniaan Ikhtisas	30
	2.3.2.3 Sifat Suasana dan Keadaan	32
2.4	Kesimpulan	33

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	34
3.2	Rekabentuk Kajian	35
3.3	Tempat Kajian	35
3.4	Persampelan	36
3.5	Instrumen Kajian	37
3.6	Pemerhatian	39
3.7	Prosedur Mengumpul Data	39
3.8	Prosedur Penganalisisan Data	40

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	41
4.2	Bentuk Sapaan Jawatan / Profesion	42
	4.2.1 Sapaan Terhadap Guru	43
	4.2.1.1 Bentuk Utuh	44
	4.2.1.2 Bentuk Bergabung	49
	4.2.2 Sapaan Terhadap Kakitangan Sokongan	55
	4.2.2.1 Bentuk Utuh	56
4.3	Bentuk Sapaan Nama Diri	58
	4.3.1 Sapaan Terhadap Rakan Karib	58
	4.3.1.1 Bentuk Singkat	59
4.4	Bentuk Sapaan Kata Ganti Nama	60
	4.4.1 Sapaan Terhadap Rakan Karib	61
	4.4.1.1 Bentuk Utuh	61
	4.4.1.2 Bentuk Singkat	62
	4.4.2 Kata Ganti Nama Kepada Guru	65
4.5	Bentuk Sapaan Kata Seru	67
	4.5.1 Sapaan Terhadap Rakan	68
	4.5.2 Sapaan Terhadap Guru	70
4.6	Bentuk Sapaan Kosong/ Sifar	71
	4.6.1 Sapaan Terhadap Rakan	71
	4.6.2 Sapaan Terhadap Guru	72
4.7	Bentuk Sapaan Terhadap Pekerja	73
	4.7.1 Bentuk Utuh	73

4.8	Perbincangan Dapatan Kajian	76
4.8.1	Bentuk Sapaan Jawatan/Profesion	76
4.8.2	Bentuk Sapaan Nama Diri	78
4.8.3	Bentuk Sapaan Kata Ganti Nama	79
4.8.4	Bentuk Sapaan Kata Seru	80
4.8.5	Bentuk Sapaan Sifar/kosong	81
4.8.6	Bentuk Sapaan Pekerjaan	82

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Kesimpulan	83
5.2	Cadangan	86

BIBLIOGRAFI	90
-------------	----

LAMPIRAN



SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 1	Sistem Sapaan Lisan dalam Bahasa Melayu Mengikut Panggilan dalam Keluarga	25
Rajah 2	Sistem Sapaan Lisan dalam Bahasa Melayu	29





SENARAI SINGKATAN

BH	Bahasa Halus
BK	Bahasa Kasar
BP	Bentuk Panggilan
PK 1	Penolong Kanan Akademik
PK HEM	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
PK KOKU	Penolong Kanan Kokurikulum



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa adalah milik manusia yang paling penting dan inilah yang membezakan manusia dengan makhluk lain. Manusia tidak dapat hidup sendirian dalam masyarakat dan memerlukan orang lain untuk berkomunikasi. Ketika berhubung, manusia memerlukan bahasa dan tanpa bahasa, komunikasi tidak dapat dilakukan. Oleh yang demikian, bahasa berfungsi sebagai alat komunikasi dalam masyarakat. Fungsi utama bahasa yakni sebagai alat komunikasi dalam masyarakat banyak diperkatakan dalam perkembangan ilmu sosiolinguistik. Harimurti Kridalaksana (1978:93) yang mengutip pendapat Fishman mengatakan bahawa Sosiolinguistik lazim didefinisikan sebagai ilmu yang mempelajari ciri dan pelbagai variasi bahasa, serta hubungan antara bahasawan dengan ciri dan fungsi itu dalam suatu masyarakat bahasa.

Manakala D. Hymes dalam Nik Safiah Karim (1992:4) pernah menyatakan bahawa Sociolinguistik mengkaji perlakuan bahasa dari segi hubungan di antara latar, peserta, tajuk perbincangan, fungsi interaksi, bentuk perhubungan, dan nilai-nilai yang dipegang oleh ahli-ahli yang terlibat dalam pertuturan terhadap sesama sendiri. Sebenarnya, pertuturan adalah kelakuan sosial dan pertuturan mempunyai fungsi sosial, bukan sahaja sebagai suatu alat perhubungan tetapi juga sebagai suatu cara untuk mengenal kumpulan sosial. Jadi bahasa dan masyarakat merupakan dua perkara yang tidak dapat dipisahkan, seperti yang dinyatakan oleh W.F Mackey dalam Wong Khek Seng (1987:15) iaitu:

The study of sociolinguistic is based on premise that there can be no society without language and that there can be no language without society. Only people speak and they speak to one another.

Penggunaan bahasa sebagai alat komunikasi dalam masyarakat perlu mematuhi beberapa peraturan tertentu. Asmah Hj. Omar (1992:61) menyatakan bahawa pengwujudan sesuatu percakapan itu ditentukan oleh siapa yang bercakap dengan siapa dan apa yang dipercakapkan. Dengan demikian, ketika bercakap dengan orang lain ada peraturan percakapan yang mengaitkan norma-norma atau panduan yang mentertibkan hubungan antara manusia dalam masyarakat. Kesilapan atau kejahilan seseorang penutur menggunakan bahasa khususnya kata sapaan, dengan tidak mengikut kesesuaian suasana tertentu akan menimbulkan tanggapan bahawa

penutur tersebut sebagai kurang sopan terhadap cara berbahasa. Hal ini kerana, penggunaan bahasa bukan semata-mata untuk menyatakan fikiran tetapi perasaan juga. Malahan, dalam kehidupan orang Melayu, bahasa sangat erat hubungannya dengan budi bahasa dan sopan santun.

Nik Safiah Karim (1992:15) menyatakan bahawa, beberapa aspek pengkajian dapat dilakukan mengenai penggunaan bahasa Melayu berhubung dengan soal-soal kebudayaan, misalnya penggunaan nama panggilan kekeluargaan dan bentuk-bentuk panggilan biasa yang mencerminkan kedudukan seseorang dalam keluarga serta kedudukannya dalam masyarakat. Oleh itu, apabila seseorang berkomunikasi dengan seseorang yang lain, penggunaan beberapa bentuk bahasa ditentukan oleh hubungan antara dirinya dengan orang yang dilawan bercakap dalam konteks struktur sosial di sekitar mereka. Pada ketika ini, penggunaan kosa kata tertentu oleh seseorang individu berbeza dengan individu yang diajak bercakap. Justeru, seseorang individu perlu menggunakan kebijaksanaannya semasa menyapa agar apa-apa yang diucapkannya tidak menyinggung perasaan orang lain.

1.2 Penyataan Masalah

Bahasa berperanan penting sebagai alat komunikasi sesama manusia, maka ada bentuk perkataan atau ayat yang digunakan untuk memulakan komunikasi. Antara bentuk perkataan yang digunakan pada permulaan komunikasi ialah penggunaan

ganti nama atau kata sapaan. Penggunaan kata ganti nama atau kata sapaan ada pada semua bahasa manusia. Namun begitu, bentuk kata sapaan ini berbeza antara sesuatu bangsa. Menurut Sutiyono (1981) bahasa Indonesia atau bahasa Melayu mempunyai sistem penyapaan yang dianggap sangat rumit kerana memiliki terlalu banyak pilihan kata yang dapat digunakan untuk menyapa orang.

Amat Juhari Moain (1989:1) menyatakan bahawa dalam masyarakat Melayu terdapat suatu sistem sapaan dan panggilan yang tertentu. Sistem sapaan dan panggilan itu terdapat dalam hubungan antara anggota-anggota dalam lingkungan keluarga, kaum kerabat, persanakan dan seterusnya dalam hubungan dengan masyarakat yang lebih besar. Hubungan yang dimaksudkan oleh Amat Juhari secara tersiratnya turut merangkumi hubungan antara individu di sesebuah institusi. Sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan formal berperanan penting untuk mendidik pelajar tentang penggunaan bahasa yang betul. Nik Safiah Karim (1988:76) menyatakan bahawa sekolah merupakan tempat yang paling sesuai untuk mengukuhkan penggunaan bahasa khususnya di kalangan murid-murid yang masih boleh dilentur.

Sehubungan itu, penggunaan kata sapaan di kalangan pelajar sama ada yang menuntut di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah di negara ini agak celaru. Kecelaruan penggunaan kata sapaan di kalangan pelajar bukanlah suatu perkara yang baru. Jika kita meneliti perkara ini di sekolah, akan kita dapati bahawa banyak pelajar

tidak dapat menggunakan kata sapaan yang betul mengikut konteks semasa. Penggunaan bentuk kata sapaan mereka juga dipengaruhi oleh latar belakang keluarga, bangsa, serta media massa yang kadang kala melanggar adab sopan dan berbahasa.

Dalam bahasa Melayu membahaskan orang yang lebih tua daripada kita dengan kata ganti seperti *awak*, *engkau*, *kamu* dianggap kurang sopan. Menurut Nathesan S. (1994:37) membahaskan guru dengan kata ganti *awak* memang dianggap kasar dan biadab.

Penggunaan kata sapaan dan kata ganti diri yang tepat di kalangan pelajar semakin luntur. Hal ini kerana ada kecenderungan di kalangan penutur bahasa Melayu yang tidak mengendahkan soal kesopanan dan budi bahasa. Nathesan S. (1994:37) menyatakan bahawa antara faktor berlakunya gejala ini kerana pertembungan budaya antara budaya masyarakat Malaysia dengan budaya barat, yang menyebabkan pelajar semakin mengabaikan nilai kesopanan bahasa dalam pertuturan harian.

Disebabkan bahasa Melayu bukan sahaja dituturkan oleh masyarakat Melayu malah oleh kaum yang lain di Malaysia, maka pelbagai kaum ini membawa bersama-sama mereka bentuk kata sapaan bangsanya dalam komunikasi. Malangnya, ada kata sapaan itu yang boleh digunakan oleh sesuatu bangsa tetapi tidak boleh digunakan

pada bangsa yang lain. Oleh itu, penggunaan kata sapaan yang tidak tepat berlaku di kalangan pelajar bukan Melayu ketika mereka menggunakan kata sapaan dalam komunikasi.

Walaupun kecelaruan ini belum mencapai tahap yang serius, namun apa yang dibimbangkan jika hal itu tidak ditangani segera, perkara ini akan menjadi kebiasaan dan kemudiannya terbawa-bawa dalam kehidupan masing-masing ketika berada di luar waktu persekolahan. Dengan hal yang demikian, perkara ini memberikan impak yang kurang baik dalam hubungan pelajar dengan masyarakat.

Asmah Hj. Omar (1992:61) menyatakan bahawa dalam hubungan kebahasaan antara manusia dengan masyarakat, kesilapan dalam peraturan percakapan itu lebih dipandang berat daripada kesilapan nahu. Apabila seseorang itu membuat kesilapan dalam peraturan percakapan, dia dianggap tidak tahu adat, bahkan biadab, tetapi jika dia membuat kesilapan nahu, paling-paling orang tersenyum mendengar kesilapannya.

Kebimbangan terhadap kecenderungan penutur sama ada di kalangan kakitangan awam mahupun pelajar yang tidak mengambil berat akan soal kesopanan dan budi bahasa, maka pada 11 Januari 2005 majlis pelancaran Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin

Hj. Ahmad Badawi. Matlamat kempen ini adalah untuk menyemarakkan dan menyemai budi bahasa dan nilai-nilai murni ke dalam jiwa setiap rakyat Malaysia.

Bertitik tolak daripada situasi ini maka pengkaji memikirkan kajian terhadap penggunaan bentuk sapaan di kalangan pelajar di sekolah wajar diselidik untuk memberi pendedahan kepada kita semua tentang situasi penggunaan kata sapaan yang sebenar di kalangan pelajar.

1.3 Rasional Kajian

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu telah dijadikan sebagai mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat di Malaysia. Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, juga berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan. (Huraian Sukatan Pelajaran KBSM 2000).

Menyedari hal ini maka falsafah pengajaran dan pembelajaran bahasa hendaklah didasarkan pada aspek sosial bahasa yang menekankan bahasa dalam konteks pengguna dan fungsi bahasa dalam masyarakat (Nik Safiah Karim (1988:36).

Bahasa dipelajari bukan kerana ciri-ciri strukturnya semata-mata tetapi dari segi hubungannya dengan masyarakat. Hal ini kerana bahasa menjadi saluran utama untuk ahli masyarakat memulakan dan mengekalkan hubungan yang stabil. Dalam suasana bilik darjah khasnya, dan alam pendidikan amnya, seseorang murid perlu memahami bahasa dalam konteks penggunaan seharian untuk keperluan peribadi, dan juga untuk berhubung dengan rakan-rakan, kaum keluarga, ataupun untuk berinteraksi dengan ahli masyarakat. Maka sewajarnya para pelajar mengetahui penggunaan bentuk kata sapaan yang tepat ketika berinteraksi.

Oleh sebab amalan berbahasa bukan saja melibatkan aspek tatabahasa semata-mata, penggunaan bahasa di sekolah harus juga mempertimbangkan kesantunan berbahasa di kalangan para pelajar. Kesantunan berbahasa dalam bahasa Melayu haruslah dipelihara dan digunakan supaya pelajar-pelajar tidak dikatakan sebagai orang yang tidak tahu berbahasa.

1.4 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini terbatas pada penggunaan bentuk kata sapaan dalam interaksi lisan di kalangan pelajar SMK Tarcisian Convent, Ipoh Perak. Dalam hal ini bentuk kata sapaan yang akan dikaji merangkumi interaksi yang berlaku antara pelajar dengan guru, pelajar dengan kakitangan sokongan, pelajar dengan pekerja, dan pelajar dengan pelajar.

Bentuk kata sapaan antara pelajar dengan guru dan antara pelajar dengan pelajar dikaji berdasarkan penggunaannya dalam interaksi lisan di dalam dan di luar bilik darjah. Manakala interaksi lisan antara pelajar dengan kakitangan sokongan dan pelajar dengan pekerja dikaji berdasarkan lokasi di luar bilik darjah. Dalam kajian ini tumpuan diberi terhadap pola penyapaan searah iaitu kata sapaan yang digunakan oleh penyapa terhadap orang yang dilawan bercakap. Penyapa yang dimaksudkan di sini ialah pelajar dan orang yang dilawan bercakap terdiri daripada guru, kakitangan bukan guru, pekerja kantin, pekerja kedai buku dan sesama pelajar.

Dalam kajian ini, data bentuk kata sapaan yang dikumpul akan dianalisis berdasarkan enam puluh lapan sampel kajian yang mengisi borang soal selidik.

Pengkaji menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat awal tentang kefahaman pelajar dalam penggunaan kata sapaan yang mereka gunakan. Data daripada soal selidik akan dapat membantu pengkaji memperoleh maklumat tentang bentuk kata sapaan yang digunakan dalam situasi yang sebenar. Setelah memperoleh jawapan, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian untuk mendapatkan data bentuk kata sapaan yang digunakan secara lisan oleh pelajar terhadap guru, kakitangan bukan guru, pekerja kantin, pekerja kedai buku dan sesama pelajar.

Sampel kajian terdiri daripada pelajar tingkatan 3, 4 dan 5 mengikut keturunan Melayu, Cina dan India. Menerusi kaedah pemerhatian, pengkaji akan mengetahui bentuk kata sapaan yang sebenarnya digunakan oleh pelajar. Daripada pemerhatian yang dilakukan, pengkaji mendapati ada bentuk kata sapaan yang tidak dinyatakan dalam soal selidik tetapi ada digunakan dalam perbualan.

1.5 Objektif Kajian

Dengan merujuk pada prinsip dasar sosiolinguistik yang melihat bahasa sebagai alat komunikasi dalam masyarakat pelbagai bangsa, kajian ini berusaha untuk menjelaskan pertanyaan: Siapa yang bertutur kepada siapa dengan menggunakan bahasa apa dan bila serta untuk tujuan apa.

Kajian ini cuba mendapatkan data dan maklumat tentang penggunaan kata sapaan yang digunakan oleh pelajar semasa berinteraksi di sekolah.

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

- (i) Menyenaraikan bentuk kata sapaan yang digunakan oleh pelajar.
- (ii) Menjelaskan bentuk kata sapaan yang digunakan oleh pelajar dari sudut sosiolinguistik.
- (iii) Membandingkan bentuk kata sapaan yang digunakan oleh pelajar yang terdiri daripada tiga kaum utama iaitu pelajar Melayu, Cina dan India.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran sebenar tentang bentuk kata sapaan yang digunakan oleh pelajar semasa berinteraksi di sekolah. Data yang diperoleh diharapkan dapat menjelaskan bagaimana pelajar menggunakan kata sapaan, sama ada kata sapaan itu sesuai digunakan atau tidak. Hasil daripada maklumat ini juga akan dapat memberi maklum balas kepada guru Bahasa Melayu supaya memberi penekanan dalam hal kesopanan berbahasa di kalangan pelajar. Daripada maklum balas ini para guru hendaklah mengambil inisiatif untuk membetulkan penggunaan kata sapaan yang menyalahi peraturan sosiolinguistik.

Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu Pusat Perkembangan Kurikulum untuk merangka Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu yang memberi penekanan terhadap penggunaan bentuk kata sapaan. Hal ini kerana Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) yang digunakan pada hari ini tidak menekankan penggunaan bentuk kata sapaan, sebaliknya hanya mengandungi tajuk Kata Ganti Nama yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Kata Ganti Diri Pertama, Kata Ganti Diri Kedua dan Kata Ganti Diri Ketiga, sedangkan kata sapaan dan kata ganti nama adalah dua tajuk yang berbeza. Oleh itu kajian ini juga boleh dimanfaatkan kepada penulis buku teks supaya lebih banyak contoh penggunaan bentuk sapaan yang wajar digunakan semasa berkomunikasi, dijadikan sebagai bahan untuk memantapkan penulisan buku teks yang sedia ada.

Akhir sekali, diharapkan kajian ini akan dapat memperbanyak kajian penggunaan bahasa sopan selaras dengan kandungan buku teks bahasa Melayu yang menekankan penerapan nilai-nilai murni.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Bentuk Sapaan

Amat Juhari Moain (1989:1) menyatakan bahawa dalam masyarakat Melayu terdapat suatu sistem sapaan dan panggilan yang tertentu. Sapaan dan panggilan tadi berdasarkan sistem-sistemnya yang tertentu serta mengikut urutan tertentu iaitu urutan dari segi hubungan persaudaraan dan pertalian darah, usia, kedudukan dan pangkat, gelaran yang disandang, kuasa dan kewibawaan yang dimiliki, serta jawatan-jawatan yang dipegang.

Nik Safiah Karim (1992:93) menyatakan bahawa dalam bahasa Melayu penggunaan kata ganti nama berkait rapat dengan bentuk panggilan (*forms of addres*). Hal ini kerana adakalanya bentuk-bentuk panggilan mengambil alih bentuk kata ganti nama kerana ingin menghormati atau memuliakan seseorang. Sumalee Nimmanupap (1994:1) menyatakan bentuk panggilan ialah perkataan yang tertentu yang digunakan oleh seseorang yang menyapa atau menunjukan sapaan kepada orang lain.

Prasithrathsini dan Tingsbadh dalam Sumalee (1994:1) menyatakan bahawa bentuk panggilan ialah perkataan yang digunakan oleh seseorang untuk merujuk kepada orang yang disapa. Istilah ini tidak digunakan sewenang-wenangnya, tetapi sebagai penanda sosial bagi yang menyapa dan yang disapa.

Nor Hashimah Jalaluddin (1992:42) menyatakan bahasa Melayu mempunyai kelas kata yang dikenali sebagai kata panggilan yang sama fungsinya dengan ganti nama tetapi lebih terhad penggunaannya. Kata panggilan ini dikenali sebagai kata sapa dan dikhaskan bagi memanggil seseorang yang digunakan dalam situasi formal dan tidak formal.

McIntire (1972:286) menyatakan bahawa, bentuk panggilan merupakan unsur yang berfaedah untuk mengkaji peranan bahasa dalam konteks sosial. Sebenarnya terdapat banyak cara untuk merujuk kepada anggota masyarakat, yang ditentukan oleh beberapa faktor dan bergantung kepada struktur masyarakat mereka.

Daripada pendapat yang telah dikemukakan dapatlah disimpulkan bahawa bentuk sapaan ialah kata yang digunakan untuk menyapa, memanggil atau menegur seseorang dalam proses komunikasi seharian.

1.7.2 Interaksi Lisan

Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994:496) mendefinisikan interaksi sebagai tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain atau tindak balas antara dua atau beberapa pihak. Interaksi lisan berfungsi dalam pergaulan seharian di kalangan anggota masyarakat.

Menurut Gumperz dan Herasimchuk dalam Roselan Baki (2000:177) interaksi lisan dianggap sebagai simbol komunikatif yang menggambarkan peranan yang dimainkan oleh orang yang terlibat dalam satu-satu proses interaksi lisan. Peranan orang yang terlibat dalam satu-satu proses interaksi lisan mempengaruhi bentuk interaksi lisan yang dilaksanakannya, dan peranan seorang individu pula dapat berubah-ubah mengikut konteks.

Berdasarkan kajian ahli psikologi tentang interaksi lisan, Clarke (1983) menyatakan kedua-dua pihak yang terlibat dalam suatu interaksi lisan mempunyai tujuan masing-masing. Menurut Clarke kedua-dua pihak melakukan persepsi, penterjemahan, dan tindak balas motor dalam proses interaksi lisan yang berlaku. Proses ini dilakukan secara berterusan dan bertimbal-balik. Dengan kata lain, ujaran bermakna yang dihasilkan menjadi rangsangan kepada pihak yang dilawan berinteraksi secara lisan untuk melakukan tindak balas terhadap interaksi lisan yang ditujukan kepadanya.



1.7.3 Pelajar

Lee Shok Mee (1996:45) menyatakan bahawa, pelajar merupakan individu atau sekumpulan murid yang menerima sesuatu program pendidikan. Manakala Kamus Dewan (1998:18) mendefiniskan pelajar sebagai orang yang belajar seperti murid sekolah, penuntut di maktab atau orang yang menyelidiki ilmu. Dalam kajian ini, pelajar yang dimaksudkan ialah pelajar perempuan keturunan Melayu, Cina dan India yang berusia antara 15 hingga 16 tahun yang belajar di SMK Tarcisian Convent, Ipoh, Perak.

1.7.4 Sekolah

Ee Ah Meng (1996:252) menyatakan bahawa sekolah boleh difahami sebagai suatu tempat untuk belajar dan mengajar. Orang yang mengajar itu dikenali sebagai guru manakala yang belajar itu ialah murid. Selain pengajaran dan pembelajaran, banyak nilai murni dan norma positif masyarakat dapat dipupuk atau disemai. Oleh hal yang demikian, di sekolah peraturan menggunakan kata sapaan yang betul dapat diajarkan dan digunakan oleh pelajar.

